

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

# Rafidah

## mahu

## bahagian

## LPN

## -diteguh

IPOH, Jumaat — Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz, berkata Bahagian Kejuruteraan serta Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Lembaga Beras dan Padi Negara (LPN) perlu diteguhkan lagi.

Katanya, ini penting kerana dari jangka panjang bentuk-bentuk kilang LPN yang akan dibina.

Beliau berkata, di masa depan LPN mungkin perlu membina kilang-kilang berbentuk 'regional' dan sederhana setakat berkemampuan mengering untuk memberi khidmat lebih sempurna kepada petani di negara ini.

Ini adalah antara cadangan beliau untuk mengemaskan perjalanan dan pentadbiran LPN.

### Rosak

Katanya, dalam bentuk sekarang, sebuah kilang padi LPN akan memberi khidmat kepada seluas-luasnya 20 batu di kawasannya.

"Tetapi demi mengelakkan padi rosak disebabkan hujan atau lain-lain, jangka masa antara kilang dan padi petani itu perlu didekatkan lagi," tambahnya.

Di samping itu, katanya, LPN perlu mengkaji kemungkinan menambahkan alat-alat pengering yang menggunakan sekam padi sebagai sumber tenaga.

"Mengikut kajian, sekam padi boleh menjadi punca tenaga pengering. LPN boleh gunakan sekam untuk menjimatkan kos tenaga serta mengurangkan pencemaran udara," tambahnya.

Mengenai pembayaran kupon subsidi padi, Datin Paduka Rafidah berkata, LPN Perak dari Mac hingga November tahun ini membuat pembayaran \$21.1 juta.